

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Plus aims to maximise long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including Shariah-compliant equities and Shariah-compliant equity related securities, Islamic deposits, or any other Islamic financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any Islamic funds such as investment-linked funds set up by us, Islamic collective investment schemes and/or Islamic exchange traded funds.


Takafulink Dana Ekuiti Plus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset domestik dan asing termasuk ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, deposit Islam, atau sebarang instrumen kewangan Islam lain secara langsung, dan/atau secara tidak langsung melalui pelaburan dalam mana-mana dana Islam seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang ditetapkan oleh kami, skim-skim pelaburan kolektif Islam dan/atau dana-dana dagangan bursa Islam.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	18/09/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM19,064,228.29
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.10162

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Plus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% MSCI World Islamic Index




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.99%	4.52%	2.25%	15.93%	13.12%	NA	10.16%
Benchmark / Penanda Aras	3.09%	3.14%	-0.82%	11.91%	6.14%	NA	2.95%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-1.10%	1.38%	3.07%	4.02%	6.98%	NA	7.21%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 December 2024

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Eastspring Investments Dana al-Ilham	76.29
2 iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	22.87
3 Cash, Deposits & Others	0.84

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

The Malaysian equity market ended the last month of 2024 on a positive note, and December has been a positive month for the KLCI for the last 10 years in a row. This was despite foreign investors were net sellers in December 2024 for the third consecutive month, bringing YTD cumulative net foreign outflow of RM3.7bil, and the second consecutive year of outflows (2023: -RM2.4bil). The month of December was a fairly quiet month. The signing of the JSSEZ was delayed from 9 December 2024, as Singapore's Prime Minister was infected with COVID-19. The KLCI included two new constituents, Gamuda and 99 Speedmart, to replace Genting Malaysia and Genting Berhad in the index. In 2024, the KLCI gained 12.9%, which is the highest annual gain since 2010. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 12,590.57, up 4.62% MoM. The FBM Small Cap Shariah index rose 4.17% for the month and underperformed the FBM EMAS Shariah Index.

Market Outlook

January 2025 could be a month of volatility. At the start of the year, we were informed that there was a small terrorist attack in the US, which may or may not be related to the incoming President-Elect Trump. Expect investors to stay on the sidelines closer to January 20, 2025, which is the day of the US Presidential inauguration. On the domestic front, the much-awaited Johor-Singapore Special Economic Zone was supposed to be finalized on 6 January 2025, with the meeting of the two countries' leaders, which had been postponed as Singapore's Prime Minister had contracted Covid in December 2024. News flow from that event should be positive for Malaysia. We remain constructive on Malaysia, as the domestic market continues to be supported by the improving economy, strong FDI, corporate earnings growth, flushed liquidity and tourism rebound. In the short term, we may see stronger USD, and this will be positive to Malaysian exporters such as gloves, plantations, technology and selective industrial companies. In the longer term, there could be more market volatility from a Trump presidency.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.99% for the month, underperforming the benchmark return of 3.09% by -1.10%. Year-to-date, the Fund returned 15.93%, outperforming the benchmark return of 11.91% by 4.02%. The underperformance in December was mainly due to security selection within local equity fund. Global stock markets declined in December due to shallower interest rate cut trajectory indicated by the US Fed for 2025. Malaysian equities were resilient despite foreign investors outflows. The increased expectation of tax cuts and pro-corporate policies over the near-term are likely to boost corporate earnings for US equities. Heading into 2025, we kept our preference on global over Malaysian equities. Over the medium term, we are watching out for key risks, such as protectionism and trade wars, which will impact growth and corporate earnings, alongside the impact of rising rates on stock valuations.

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia menamatkan bulan terakhir 2024 dengan positif, dan Disember juga bulan positif buat KLCI sejak 10 tahun terakhir berturut-turut. Keadaan ini berlaku meskipun pelabur asing adalah penjual bersih pada Disember 2024 untuk bulan ketiga berturut-turut, menjadikan aliran keluar asing bersih terkumpul YTD sebanyak RM3.7 bilion, dan aliran keluar tahun kedua berturut-turut (2023: -RM2.4 bilion). Bulan Disember adalah bulan yang agak sepi. Penandatanganan JSSEZ yang dijadualkan pada 9 Disember 2024 telah ditangguhkan kerana Perdana Menteri Singapura dijangkiti COVID-19. KLCI merangkum dua konstituen baharu, Gamuda dan 99 Speedmart, bagi menggantikan Genting Malaysia dan Genting Berhad dalam indeks. Pada 2024, KLCI memperoleh 12.9%, iaitu keuntungan tahunan tertinggi sejak 2010. Indeks Syariah EMAS FBM menutup bulan pada 12,590.57, naik 4.62% bulan-ke-bulan (MoM). Indeks Syariah Bermodal Kecil FBM meningkat 4.17% pada bulan ini dan tidak mengatasi prestasi Indeks Syariah EMAS FBM.

Gambaran Bulanan

Januari 2025 boleh menjadi bulan yang tidak menentu. Pada awal tahun, kami dimaklumkan bahawa terdapat serangan kecil pengganas di AS, yang mungkin berkaitan atau tidak dengan pemilihan Presiden Trump. Pelabur dijangka kekal menepi menjelang 20 Januari 2025, iaitu hari pelantikan Presiden AS. Di peringkat domestik, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang ditunggu-tunggu sepatutnya dimuktamadkan pada 6 Januari 2025, dengan mesyuarat pemimpin kedua-dua negara, namun ditangguhkan kerana Perdana Menteri Singapura telah dijangkiti Covid pada Disember 2024. Aliran berita dari peristiwa itu sepatutnya positif buat Malaysia. Kami kekal konstruktif dengan Malaysia, kerana pasaran domestik terus disokong oleh ekonomi yang bertambah baik, FDI yang kukuh, pertumbuhan pendapatan korporat, kecairan yang mengucur dan pemulihan pelancongan. Menyorot jangka pendek, kita mungkin melihat USD yang lebih kukuh, lalu ia akan memberi kesan positif kepada pengeksport Malaysia seperti sarung tangan, perladangan, teknologi dan syarikat perindustrian tertentu. Meninjau jangka panjang, turun naik pasaran mungkin semakin tinggi berikutan pelantikan presiden Trump.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan 1.99% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 3.09% dengan perbezaan -1.10%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana menghasilkan pulangan 15.93%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 11.91% dengan perbezaan 4.02%. Prestasi hambar pada bulan Disember disebabkan terutamanya oleh pemilihan sekuriti dalam dana ekuiti tempatan. Pasaran saham global merosot pada bulan Disember disebabkan trajektori pemotongan kadar faedah yang lebih cetek yang ditunjukkan oleh Rizab Persekutuan AS untuk 2025. Ekuiti Malaysia berdaya tahan meskipun terdapat pengaliran keluar pelabur asing. Peningkatan jangkaan pemotongan cukai dan dasar pro-korporat dalam tempoh terdekat berkemungkinan merangsang pendapatan korporat ke atas ekuiti AS. Menjelang tahun 2025, kami mengekalkan keutamaan kepada ekuiti global berbanding ekuiti Malaysia. Dalam jangka sederhana, kami memerhatikan risiko utama seperti fahaman perlindungan dan kemelut perdagangan, yang akan memberi kesan kepada pertumbuhan dan pendapatan korporat, di samping kesan kenaikan kadar ke atas penilaian saham.

Source / Sumber: Fund Commentary, December 2024, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL